

Ceramah Badan Pencegah Rasuah (BPR)

18 April 2007

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) akan memberi kerjasama seerat mungkin kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam usaha menjadikannya sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mengamalkan integriti.

Perkara itu disuarakan Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato` Dr. Kamarudin Husin dalam ucapan aluan pada program ceramah bersama Badan Pencegah Rasuah Perlis. Ceramah yang bertajuk "Integriti Dalam Perkhidmatan Awam" diberikan oleh Pengarah BPR Perlis, Tuan Haji Alias Salim.



Ia adalah pendedahan kepada semua pegawai UniMAP mengenai kesalahan yang boleh didakwa dibawah Akta Pencegahan Rasuah 1997. Beliau juga mendedahkan kesalahan yang biasanya dilakukan kakitangan kerajaan dalam melakukan urusan kerja sehari-hari, ini termasuklah menerima hadiah dari pembekal barangan yang ditempah jabatan.

Ceramah selama dua jam yang diadakan di Dewan Keikhlasan, Tingkat 10 Bangunan KWSP itu dihadiri semua Pegawai Utama Universiti serta Ketua Jabatan UniMAP.

